

KONSEP PERAWI *AL-SAHABAH* DAN PERBAHASAN DI SEKITARNYA

oleh
Ishak Hj. Sulaiman

Abstract

Al-Sahabah has constantly become a controversial issue. In the actual fact, this comes out as result of imperfect conception of the concept itself especially when discussing it in terms of Hadith. The article is an attempt to elaborate systematically as it has been discussed by the authorities of Hadith

Pendahuluan

Mutakhir ini persoalan mengenai *al-Sahabah* nampaknya sentiasa ditimbulkan oleh beberapa pihak yang berminat membincangkannya. Pengalaman penulis sendiri yang pernah berhadapan dengan pihak yang cukup berminat membincangkan persoalan ini sehingga menimbulkan sentimen yang boleh membawa kepada dilema dan konflik yang kronik. Sehubungan dengan itu, bagi menyediakan ruang perbincangan ilmiah maka tinjauan akan dilakukan terhadap *al-Sahabah* dari sudut konsep dan isu-isu yang dibahaskan di sekitarnya dari sudut pengkajian Ilmu *Hadith*. Sememangnya diakui bahawa *al-Sahabah* merupakan perawi yang paling utama di dalam *tabaqat al-Ruwat*. Berdasarkan komitmen inilah maka fokus perbincangan mengenai *al-Sahabah* akan dimulakan dengan definisi, cara mengenal *al-Sahabah*, bilangannya dan berhubung dengan sifat ‘*adalah al-Sahabah*’.

Definisi *al-Sahabah*

Dari sudut bahasa, kalimah *al-Sahabah* ini berasal dari *sahiba* (صحاب) yang bererti bergaul, menyertai dan juga berkawan¹. Bagi Ibn Hajar, *al-Sahabah* didefinisikan sebagai orang Islam yang sempat bertemu dengan Rasulullah SAW serta beriman dengannya dan mati sebagai seorang Islam².

Menurut beliau lagi, termasuk di dalam takrif *al-Sahabah* ini ialah kepada sesiapa sahaja orang Islam yang pernah bersama-sama Rasulullah SAW samada

¹ Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, Jil.3 (Beirut, 1302H), h.89

² Ibn Hajar al-'Asqalani, *Nuzhat al-Nazr fi Tawdih Nukhbah al-Fikr*, (Beirut, 1993M), h.109

lama atau sekejap, meriwayatkan *Hadith* atau tidak, pernah berperang bersama-sama atau tidak, malah termasuk juga orang yang melihatnya satu kali sahaja dan tidak bersama-sama, juga termasuk orang yang tidak melihatnya kerana sesuatu sebab yang menghalangnya, seperti buta atau sebagainya³.

Manakala Ibn al-Salah di dalam *Muqaddimah* mentakrifkan ahli-ahli *Hadith* di kalangan *al-Sahabah* ialah orang yang meriwayatkan satu *Hadith* atau satu perkataan dari Rasulullah SAW dan termasuk juga sesiapa yang melihatnya sebagai tanda kemuliaan Rasulullah SAW⁴.

Menurut Ibn Hazm, *al-Sahabah* didefinisikan sebagai sesiapa yang pernah duduk seketika dengan Rasulullah SAW walau sesaat dan mendengar daripada baginda walau satu kalimah atau lebih atau menjadi saksi di atas perintahnya. Dan tidak termasuk di dalam definisi ini golongan munafiqin yang dikenali sehingga kematian mereka⁵.

Daripada pendapat sebahagian ulama' di atas, jelas menunjukkan perbezaan pendapat dan tiadanya kesepakatan di kalangan mereka di dalam mendefinisikan *al-Sahabah*. Walaupun begitu, secara khususnya terdapat tiga kriteria penting *al-Sahabah* berdasarkan definisi-definisi di atas. Pertamanya, seseorang Islam yang pernah bertemu dan bergaul dengan Rasulullah SAW. Keduanya, menjadi pengikut Rasulullah SAW yang setia dan beriltizam dengan sunnahnya. Ketiga, memiliki aqidah dan akhlak yang mulia sepanjang hayatnya di samping tidak dikenali dengan sifat munafiq dan yang seumpama dengannya.

Sekiranya kita dapat menerima rumusan definisi *al-Sahabah* yang pelbagai itu, maka perbincangan mengenai isu ini sewajarnya bertambah mudah dan harmoni kerana konsep *al-Sahabah* itu sendiri telah dipagari dengan elemen dan ciri-ciri yang jelas.

Metodologi mengenali *al-Sahabah*

Meskipun para ulama telah memberikan berbagai definisi mengenai *al-Sahabah* tetapi penjelasan yang diberikan masih bersifat umum. Sehubungan dengan itu, terdapat di kalangan ulama *Hadith* yang telah menyediakan metodologi tertentu bagi mengenali *al-Sahabah* secara sistematis.

³ Ibn Hajar al-'Asqalani, *al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah*, Jil.1,(Qaherah, 1972M), , h.10

⁴ Ibn al-Salah, *Muqaddimah*, al-Madinah al-Munawwarah, (1972M), h.146

⁵ Ibn Hazm, *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, Juz.5, (Kaherah, 1345H), h.663

Di dalam hal ini, Ibn Hajar telah menggariskan metodologi yang sesuai untuk mengenali *al-Sahabah* seperti berikut⁶:

- i. Melalui perkhabaran *mutawatir* bahawa mereka itu adalah *al-Sahabah* seperti Abu Bakar, ‘Umar, ‘Uthman, ‘Ali dan sepuluh orang yang ditabshirkan dengan syurga.
- ii. Dikenali umum kerana kemasyhurannya tetapi tidak sampai ke peringkat *mutawatir* seperti Dimam ibn Tha’labah (RA) dan Ukashah ibn Mahasin (RA).
- iii. Seseorang yang mengakui dirinya sebagai *al-Sahabah* dengan syarat terbukti akan sifat adilnya dan hidup sezaman dengan RasuluLlah SAW.
- iv. Tabi’i yang memberitahu bahawa si fulan adalah *al-Sahabah*. Ini adalah berdasarkan kepada pendapat yang rajih iaitu harus berdalil dengan perkhabaran tentang kebaikan seseorang melalui orang lain.
- v. Melalui individu yang terdiri dari *al-Sahabah* yang telah memperkenalkan seseorang sebagai *al-Sahabah*.

Di dalam Ilmu *Hadith* aspek *tabaqat al-Ruwat* juga boleh dijadikan sebagai salah satu landasan metodologi mengenali *al-Sahabah* kerana penekanannya juga meliputi tentang kedudukan *al-Sahabah*. Justeru itu al-Hakim telah memperkenalkan 12 kategori sebagai metodologi mengenali perawi *al-Sahabah* yang didasarkan tingkatan mereka yang paling hampir dengan Rasulullah SAW sebagai perawi *Hadith*. Kategori-kategori tersebut adalah seperti berikut⁷:

- i. Para sahabat yang menganut Islam lebih awal adalah terdiri daripada orang-orang yang beriman semasa di Mekah. Mereka terdiri daripada 10 orang yang dijanjikan dengan syurga beserta Siti Khadijah dan Bilal.
- ii. Orang yang menghadiri *Dar al-Nadwah* dan menganut Islam sesudah ‘Umar RA.
- iii. Orang yang berhijrah ke Habshah pada tahun kelima selepas kerasulan Muhammad SAW. Mereka terdiri daripada 11 orang lelaki dan 4 orang wanita. Di antaranya ialah Uthman bin ‘Affan, al-Zubayr bin al-‘Awwam, Ja‘afar bin Abi Talib, Ruqayyah binti Muhammad SAW (isteri Sayyidina ‘Uthman), Sahlah binti Sahl (isteri Huzaifah). Ini termasuk juga orang yang berhijrah ke Habshah iaitu seramai 83 orang dan di antaranya ialah Ja‘afar bin Abi Talib dan isterinya Asma’ binti Umays,

⁶ Ibn Hajar, *Nuzhah al-Nazr*, h.14

⁷ Al-Hakim al-Naysaburi, *Ma‘rifah ‘Ulum al-Hadith*, (Misr: Dar al-Kutub, 1937), h.22

Ubaidullah bin Jahsh dan isterinya Ummu Habibah dan saudaranya Abdullah, Abu Musa dan Ibn Mas ‘ud.

- iv. Ahli ‘Aqabah yang pertama. Mereka terdiri daripada golongan Ansar iaitu seramai 12 orang. Di antara mereka ialah Jabir bin Abdullah, ‘Uqbah bin Amir, Asad Zurarah dan Ubada bin Samit.
- v. Ahli ‘Aqabah kedua yang telah memeluk Islam selepas tahun ‘Aqabah pertama. Mereka terdiri daripada 70 orang daripada golongan Ansar dan terdapat dua orang wanita bersama mereka. Antara mereka ialah al-Barra’ bin Ma’rur, Sa‘ad bin ‘Ubada dan Ka‘ab bin Malik.
- vi. Mereka yang berhijrah ke Madinah sewaktu Nabi SAW masih berada di Quba’ dan belum memasuki Madinah.
- vii. Ahli Badr yang mana RasuluLlah SAW pernah berkata kepada mereka yang bermaksud: “semoga Allah melihat ahli Badr ini”. Baginda berkata lagi; “beramallah dengan apa yang kamu kehendaki kerana kamu telah diampuni” (ucapan ini berdasarkan seperti yang telah diriwayatkan oleh Abu Dawud). Bilangan mereka ini adalah lebih daripada 300 orang.
- viii. Mereka yang berhijrah antara peperangan Badr dan perjanjian Hudaibiyyah.
- ix. Orang yang mengangkat janji taat setia Bai’ah al-Ridwan yang dilakukan di bawah sebatang pokok di Hudaibiyyah.
- x. Orang yang berhijrah sebelum pembukaan Mekah tetapi selepas berlakunya *Suh al-Hudaiybiyyah*. Di antara mereka ialah Khalid bin al-Walid.
- xi. Orang-orang yang memeluk Islam sewaktu pembukaan Mekah dan bilangan mereka melebihi daripada 1,000 orang. Antara mereka ialah Abu Sufyan dan Hakim bin Hizam.
- xii. Golongan kanak-kanak yang sempat melihat Nabi SAW pada hari pembukaan Mekah dan pada musim *hajjah al-wada’*. Antara mereka ialah al-Hasan dan al-Husayn, anak ‘Ali, al-Sa‘ib bin Yazid al-Kalbi dan ‘Abdullah bin al-Zubayr.

Bilangan *al-Sahabah*

Keperluan terhadap pengetahuan mengenai bilangan *al-Sahabah* ini timbul apabila ulama’ *Hadith* semasa membincangkan tentang metodologi atau kaedah mengenali *al-Sahabah* menyebutkan kuantiti tertentu *al-Sahabah* yang layak dikategorikan. Ditambah pula dengan perbincangan yang serius berhubung hal ini

oleh sarjana kontemporari maka topik mengenai bilangan *al-Sahabah* turut diberi perhatian.

Menurut Dr. Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, pengarang *Usul al-Hadith*, teramat sukar sebenarnya untuk menentukan dengan tepat bilangan *al-Sahabah* kerana terlalu ramai di kalangan umat Islam yang hidup di zaman RasuluLlah SAW yang meriwayatkan *Hadith* baginda dan ditambah pula semakin ramainya penganut Islam yang datang dari pelbagai negara dan tempat⁸. Ini sudah tentu menyukarkan para pengkaji untuk menentukan bilangan *al-Sahabah* dengan tepat.

Walaupun menghadapi kesukaran tersebut, para ulama sebenarnya telah menganalisis beberapa riwayat yang berhubung persoalan ini. Berdasarkan *Hadith* yang berkaitan persoalan ini seperti yang diriwayatkan oleh Ka 'ab ibn Malik RA yang menceritakan bagaimana beliau telah ketinggalan dalam peperangan Tabuk; menurut beliau orang-orang Islam yang bersama-sama RasuluLlah SAW dalam peperangan tersebut adalah terlalui ramai, tidak mungkin dicatat di dalam satu buku⁹.

Manakala al-Hakim telah meriwayatkan daripada Mu'adh ibn Jabal RA dengan katanya; kami keluar bersama-sama RasuluLlah SAW ke peperangan Tabuk pada tahun 6H dengan jumlah labih daripada 30,000¹⁰.

Ibn al-Salah pula telah merakamkan beberapa riwayat yang berkaitan dengan bilangan *al-Sahabah*. Di antara riwayat tersebut ialah dari Abu Zura 'ah apabila beliau ditanya tentang bilangan *al-Sahabah* yang mengambil *Hadith* dari RasuluLlah SAW, beliau menjawab; siapa yang sanggup menghitungnya?, sedangkan mereka yang hadir bersama-sama RasuluLlah SAW mengerjakan *Hajjah al-wada'* ialah seramai 40,000 orang dan yang hadir di dalam peperangan Tabuk pula ialah seramai 70,000 orang¹¹.

Daripada fakta di atas jelaslah bahawa sukarnya untuk menentukan bilangan *al-Sahabah* dalam jumlah yang tepat. Realiti ini di sebabkan bilangan mereka yang terlalu ramai dan tiadanya keperluan yang mendesak untuk menentukan bilangan *al-Sahabah* pada ketika itu.

⁸ Muhammad 'Ajaj al-Khatib, Dr., *Usul al-Hadith, 'ulumuhu wa mustalahuhu*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1409H/1989M), h.402.

⁹ Al-Iraqi, *Fath al-Mugith bi-sharr Alfiah al-Hadith*, Jil.4, (Kaherah, 1355H/1937M), h.39.

¹⁰ Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, (Kaherah, 1959), h.178

¹¹ Ibn al-Salah, *Muqaddimah*, h.268.

Dari aspek ilmu *Hadith*, apabila bilangan *al-Sahabah* ini terlalu ramai, maka di sinilah perlu untuk menilai dan memeriksa bahawa hanya *al-Sahabah* yang bersifat adil sahaja yang dapat diterima setiap *Hadith* yang diriwayatkannya. Oleh yang demikian memerlukan pula kepada *ilm al-jarh wa al-ta'dil* iaitu ilmu yang berkaitan dengan analisis sifat-sifat para perawi dari aspek kecacatan dan keadilan mereka.

Sifat '*adalah al-Sahabah*

Memandangkan sifat '*adalah al-Sahabah* merupakan di antara persoalan yang agak penting di dalam Ilmu *Hadith*, maka perbincangan kali ini akan menfokuskan terhadap sifat '*adalah al-Sahabah* menurut pandangan ulama *Hadith* berserta dengan dalil-dalil yang mereka yakini.

Sifat '*adalah* atau '*adil* ini dapat difahamkan dari sudut bahasanya ialah keadilan, pertengahan, lurus dan condong kepada kebenaran¹². Bagi Ibn Hajar, maksud '*adil* yang lebih khusus di dalam kontek ini ialah taqwa, memelihara muru'ah, tidak melakukan dosa besar seperti syirik, tidak melakukan perbuatan bid'ah dan fasiq¹³.

Menurut al-Hakim, maksud '*adil* di sini ialah beragama Islam, baligh dan tidak melakukan perbuatan maksiat¹⁴. Bagi al-Shawkani pula, sifat '*adil* di dalam kontek ini ialah memelihara taqwa dan *mu'ruah*, tidak melakukan dosa besar dan menjauhi dosa kecil¹⁵.

Manakala al-Nawawi, Ibn al-Salah dan al-Hawari mendefinisikan '*adil* di sini sebagai beragama Islam, baligh, berakal, memelihara *muru'ah* dan tidak melakukan perbuatan fasiq¹⁶. Bagi al-Amidi, maksud '*adil* ialah memelihara muru'ah, tidak melakukan dosa besar dan menjauhi dosa kecil¹⁷. Dan Ibn Qudamah mentakrifkan '*adil* sebagai memelihara *muru'ah*, berpegang teguh dengan agama, tidak berbuat dosa besar dan menjauhi dosa kecil¹⁸.

¹² Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, Juz.13, h.456-463.

¹³ Ibn Hajar, *Nuzhah al-Nazar*, h.54

¹⁴ Al-Hakim, *Ma'rifat 'Ulum al-Hadith*, h.53

¹⁵ Al-Shawkani, *Irshad al-Fuhul*, Surabaya, t.t, h.45

¹⁶ Al-Nawawi, *al-Taqrib Li al-Nawawi Fan Usul al-Hadith*, (Kaherah, t.t), h.12, Ibn al-Salah, *Muqaddimah*, h.94 dan al-Hawari, *Jawahir al-Usul*, (al-Madinah al-Munawwarah, 1393H), h.55

¹⁷ Al-Amidi, *al-Ihkam*, Juz.I, h.264

¹⁸ Ibn Qudamah, *al-Mughni*, (Riyadh, 1401H), Juz.9, h.167

Daripada berbagai pandangan ini, jelas menunjukkan bahawa huraian terhadap ‘adil’ ini tetap berada di dalam kerangka mu’mín yang salih dan bertaqwá. Melalui kriteria yang tersebut maka status ‘adalah’ atau ‘adil’ di kalangan al-Sahabah boleh dinilai secara mikro.

Setelah memahami hakikat ‘adalah al-Sahabah’ maka sewajarnya diketahui pula beberapa ketetapan dari neraca al-Sunnah berhubung dengan persoalan ini. Ibn Hajar di dalam kitabnya al-Isabah telah mengambil pandangan Abu Zur‘ah al-Razi yang menyatakan bahawa sesiapa yang mengkritik sahabat Nabi yang menyebabkan menurunnya kehormatan diri sahabat, maka orang itu termasuk di dalam golongan zindiq¹⁹.

Sehubungan dengan itu, Ibn Hajar meyakini bahawa para ulama’ di kalangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah yang sepertinya telah bersepakat untuk mengiktiraf bahawa seluruh al-Sahabah adalah ‘adil’ berdasarkan definisinya yang disokong pula dengan dalil-dalil Al-Quran dan al-Sunnah²⁰.

Di antara dalil-dalil yang dikemukakan bagi memperkuatkan pandangannya ialah;

- Berdasarkan firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah:143;

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شَهَادَةً عَلَى النَّاسِ وَيَكُونُنَّ
الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ... 

“Dan demikian pula kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi di atas (perbuatan) manusia dan agar rasul (Muhammad SAW) menjadi saksi di atas perbuatan kamu.”

Menurut penafsiran Ibn Kathir, al-Qurtubi dan al-Shawkani ayat ini merupakan pengakuan Allah SWT bahawa umat Islam merupakan umat yang sebaik-baiknya jika dibandingkan dengan umat-umat yang lain. Manakala penggunaan kalimah *wast* di sini bermaksud ‘adil’ iaitu yang dimiliki kepada umat Islam termasuklah al-Sahabah²¹.

¹⁹ Ibn Hajar al-‘Asqalani, *al-Isabah*, Jil.I, h.10

²⁰ *Ibid.*

²¹ Ibn Kathir, *Tafsir al-Quran al-'Azim*, Juz.I, h.189, al-Qurtubi, *al-Jami' li akhdam al-Quran*, Juz.II, h.153 dan al-Shawkani, *Fath al-Qadir*, Juz.I, h.150.

ii. Berdasarkan firman Allah SWT di dalam Surah Ali 'Imran: 110

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتَوْهِيْنُوْنَ بِاللَّهِ ... ﴿١١﴾

"Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah....."

Berdasarkan ayat di atas, ungkapan (كتم خبر أمة) ini disandarkan juga kepada umat Islam secara umumnya termasuklah *al-Sahabah* dengan syarat mereka melakukan amr ma'ruf dan nahyi munkar²².

iii. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Fath:18

لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا يَأْتُوكُمْ نَحْنُ نَحْتَ الشَّجَرَةِ فَعِلْمَ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَنْزَلْنَا السَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَنْبَثْنَا فَتْحًا فِي بَشَارَهِمْ ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya Allah telah reda terhadap orang-orang mu'min ketika mereka berjanji setia kepadamu di bawah pohon, maka Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati mereka lalu menurunkan ketenangan ke atas mereka dan memberi balasan kepada mereka dengan kemenangan yang dekat."

Ulama tafsir seperti yang di atas menyebut bahawa kandungan ayat ini menunjukkan kerelaan Allah SWT kepada orang mu'min hanya kepada *al-Sahabah* yang menyertai majlis *Bay'ah al-Ridwan* yang berlaku di Hudaybiyyah yang berjumlah sekitar 1400 atau 1500 orang sahaja. Dan mereka ini Allah janjikan kemenangan di dalam jangka masa yang terdekat²³.

iv. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Fath:29;

سَمِّعَهُ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاهُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحْمَاءَ بَيْنَهُمْ تَرَيْهُمْ رُكْعًا سُبْدَهُ أَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا ... ﴿٢٩﴾

"Muhammad itu adalah utusan Allah dan orang-orang yang bersama dia adalah keras terhadap orang kafir, tetapi berkasih

²² Ibn Kathir, *Ibid.* Jil.I, h.420

²³ Ibn Kathir, *Ibid.*, Juz.IV, h.186; al-Qurtubi, *Ibid.*, Juz.16, h.274 dan al-Shawkani, *Ibid.*, Juz.V, h.51

sayang sesama mereka, kamu melihat mereka ruku' dan sujud mencari kurnia Allah dan keridaaNya."

Ayat ini sebenarnya mempunyai kaitan dengan ayat 18 di dalam surah yang sama yang menyebut bahawa *al-Sahabah* di sini secara khususnya dikaitkan dengan *al-Sahabah* yang menyertai *Bay'ah al-Ridwan*²⁴.

v. Berdasarkan *Hadith* Nabi SAW yang menyatakan²⁵;

وَلَا يُنْصِيْدُ لَا تَسْبِيْأُ أَصْحَابِيْ فَلَوْاْنَ أَحَدُهُمْ أَنْقَقَ مِثْلَ أَحَدِ ذَهَبَاْ مَا يَلْعَبُ
مَدَّ أَحَدُهُمْ

"Janganlah kamu mencaci maki para sahabatku. Sekiranya di antara kamu bersedekah emas sebesar bukit Uhud, nescaya sedekah itu tidak akan menyamai secupak ataupun separuh cupak daripada sahabatku."

Berdasarkan dari *Hadith* Nabi SAW seperti di atas, di antara *asbab al-wurud* atau sebab RasuluLlah SAW bersabda sedemikian ialah apabila Nabi SAW mendengar Khalid al-Walid bertengkar dengan 'Abd al-Rahman bin 'Awf. Daripada dalil ini dapat dirumuskan bahawa memaki dan mengumpat *al-Sahabah* merupakan perbuatan yang terkutuk tetapi tidak sama dengan kegiatan meneliti *al-Sahabah* untuk tujuan kesahihan sanad *al-Hadith*²⁶.

vi. Berdasarkan *Hadith* Nabi SAW yang menyatakan²⁷;

خَيْرُكُمْ قَرْنَىْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلْوَنُهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلْوَنُهُمْ

"Sebaik-baik kamu (umat Islam) adalah generasiku, kemudian generasi selepasnya dan kemudian generasi selepasnya lagi."

Berdasarkan dalil-dalil di atas dapatlah dibuat dua rumusan yang berhubung dengan sifat '*adalah* di kalangan *al-Sahabah* seperti berikut;

²⁴ Ibid.

²⁵ Lihat al-Bukhari, *al-Jami al-Sahih*, Juz.II, (Beirut: Dar al-Fikr, t.t), h.292, Muslim, *Sahih*, Juz.iv,h.1967, Abu Dawud, *Sunan*, Juz.iv, h.214, al-Turmudhi, *Sunan*, Juz.v, h.357,Ahmad ibn Hanbal, *Musnad*, Juz.iii, h.1

²⁶ Lihat Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari*, Juz.VII, h.34 dan al-Husayni, *al-Bayan wa al-Ta'riff fi Asbab Wurud al-Hadith*, Juz.III, (Qaherah, t.t), h.304.

²⁷ Al-Bukhari, *Op.cit*, Juz.ii, h.101, Muslim, *Op.cit*, Juz.IV, h.1962, Abu Dawud, *Op.cit*, Juz.II, h.214, Turmudhi, *Op.cit*, Juz.III, h.340, Ibn Majah, *Op.cit*, Juz.ii, h.791 dan Ahmad ibn Hanbal, *Op.cit*, Juz.I, h.278

- i. Semua *al-Sahabah* yang berdasarkan kepada definisi *al-Sahabah* yang lebih lengkap itu adalah '*adil* kesemuanya.
- ii. Adalah dilarang untuk mencaci maki dan mengumpat para sahabat Nabi SAW di dalam keadaan mana sekalipun.

Sebenarnya di dalam persoalan *al-Sahabah* ini, Ibn Hajar sendiri di dalam karyanya *al-Isabah* ada mengkategorikan dikalangan *al-Sahabah* dari definisi yang pelbagai itu yang tidak bersifat dengan '*adalah* malah bersifat dengan sifat yang buruk dan keji. Individu yang dikategorikan sebagai *al-Sahabah* ini walaupun tidak memiliki sifat-sifat yang '*adalah* tetapi sempat hidup sezaman dengan Nabi SAW. Oleh yang demikian Ibn Hajar Ibn Hajar turut menyentuh persoalan ini di dalam kitabnya *al-Isabah*.

Sebagai satu contoh, di antara individu yang dimaksudkan itu ialah al-Walid b. 'Uqbah. Sebenarnya al-Walid pernah meriwayatkan *Hadith* daripada Nabi SAW, tetapi setelah beliau melakukan perbuatan yang buruk seperti meminum arak dan di dalam keadaan mabuk itu manjadi imam pula maka beliau dikategorikan sebagai perawi *daif*. Di dalam keadaan yang lain pula, beliau pernah disifat sebagai fasiq kerana pernah berbohong kepada Rasulullah SAW sehingga turunnya ayat 6 dari Surah al-Hujurat²⁸.

Selain daripada al-Walid, Ibn Hajar juga telah menceritakan murtadnya seorang sahabat Nabi SAW yang pernah menerima Hadith iaitu al- 'Ash'ish bin Qays b. Ma' dikarb al-Kindi (m.63H)²⁹.

Daripada kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa tidak semua individu yang hidup sezaman dengan Nabi SAW memiliki sifat '*adalah* tetapi terdapat juga sebilangannya yang bersifat buruk dan keji. Sehubungan dengan ini, terdapat di kalangan ulama' yang memutuskan beberapa ketetapan yang berkaitan dengan sifat '*adalah al-Sahabah* mengikut pandangan mereka seperti berikut³⁰:

- a. Kebanyakkan *al-Sahabah* bersifat '*adalah* kecuali yang jelas melakukan maksiat seperti al-Walid b. 'Uqbah yang dikenali sebagai peminum arak dan fasiq.
- b. Kebanyakkan *al-Sahabah* bersifat '*adalah* pada saat sebelum terjadi perperangan di antara golongan yang menyokong 'Ali bin Abi Talib dan

²⁸ Ibn Hajar al-'Asqalani, *al-Isabah*, Jil.III, h.637 dan Ibn 'Abd al-Barr, *Kitab al-Isti'ab fi Asma' al-Ashab*, Jil.III, (Beirut, 1978M), h.631.

²⁹ Ibid., dan *Tahdhib al-Tahdhib*, Juz.I, (India, 1352H), h.359.

³⁰ al-Amidi, *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, Juz.III,h.103.

golongan Muawiyyah. Sedangkan *al-Sahabah* selepas peristiwa tersebut maka hendaklah diteliti peribadinya.

- c. Kebanyakan *al-Sahabah* adalah bersifat '*adalah*' kecuali yang membunuh 'Ali bin Abi Talib.
- d. Sahabat Nabi SAW yang bersifat '*adalah*' hanyalah mereka yang telah dikenali dekat peribadinya dengan Nabi SAW.
- e. Kebanyakan sahabat Nabi SAW harus diteliti peribadinya khususnya di dalam kontek perawi *Hadith* yang sahih.

Daripada pandangan di atas, jelas menunjukkan bahawa analisis al-Amidi berhubung dengan *al-Sahabah* ini ada persamaanya dengan Ibn Hazm yang menolak individu yang bersifat mazmumah seperti *nifaq* dan yang seumpama dengannya adalah terkeluar dari definisi *al-Sahabah* dan sifat '*adalah*'. Persoalan ini semakin jelas apabila dilihat dalam perspektif Ilmu *Hadith*.

Memandangkan kriteria perawi yang '*adalah*' merupakan penilaian yang penting di dalam menentukan kesahihan *Hadith* dan ditambah pula dengan kedudukan *al-Sahabah* sebagai perawi yang paling berautoriti, maka sewajarnya penelitian terhadap aspek sifat '*adalah*' di kalangan *al-Sahabah* ini dilihat sebagai satu keperluan di dalam Ilmu *Hadith*.

Penulisan mengenai *al-Sahabah*

Sebenarnya karya-karya atau penulisan mengenai *al-Sahabah* ini telah ditulis dengan banyaknya oleh para ulama' terdahulu. Di antara karya yang termasyhur ialah *al-Isti'ab fi Ma'rifah al-Ashab* yang ditulis oleh Ibn 'Abd al-Bar al-Qurtubi (367-467H). Karya ini pernah dicetak di Mesir dan India. Di dalam karya ini mengandungi 4225 biografi para sahabat dan sahabiah. Begitu dengan karya Ibn Athir (555-630H) yang berjudul *Usd al-Ghabah fi Ma'rifah al-Sahabah*. Karya ini mengandungi 7554 biografi *al-Sahabah* dan pernah dicetak di Mesir.

Imam al-Hafiz Shams al-Deen Abi 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Dhahabi (673-748H) turut menghasilkan karya yang bertajuk *Tajrid Asma' al-Sahabah*. Karyanya ini mengandungi dua juzu' dan pernah dicetak di India. Manakala di antara karya yang termasyhur di bidang ini ialah *al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah* oleh Ibn Hajar al-'Asqalani (773-852H). Kitab ini telah beberapa kali dicetak di Mesir dan India. *Al-Isabah* mengandungi 9477 nama *al-Sahabah*, 1268 *kunniyah al-Sahabah* dan 1552 biografi *al-Sahabah*.

Rumusan

Sebenarnya persoalan yang berhubung dengan *al-Sahabah* telahpun ditangani dan dirumuskan oleh para ulama' yang mempunyai komitmen di bidang ini. Sebagai buktinya maka lahirlah karya-karya utama yang berhubung persoalan ini seperti yang dinyatakan sebahagiannya di atas. Tambahan pula persoalan ini merupakan khazanah sejarah yang mempunyai kaitannya dengan sunnah RasuluLlah SAW. Maka sudah semestinya para ulama' yang dikategorikan sebagai pewaris anbiya' cuba menangani persoalan ini secara ilmiah dan terperinci.

Sebagai generasi yang terkemudian sewajarnya kita memelihara dan membangunkan khazanah silam ini supaya ianya dapat memberikan input terhadap martabat Islam dan keagungan tamadunnya. Amat malang pula sekiranya kedapatan pihak di zaman kini yang mengambil peluang dari aspek ini untuk menggali perkuburan silam dan memaparkan setiap keaibah kononnya di atas nama perbincangan akademik dan ilmiah ala orientalis kufur.

Dari permasalahan inilah perlunya golongan ilmuwan dan orang awam supaya menghayati konsep perawi *al-Sahabah* ini dengan ruh Islam dan bukannya dengan ruh asing yang bertentangan dengan Islam. Konsep pemahaman terhadap perawi *al-Sahabah* ini perlu mengikut manhaj yang telah digariskan di dalam disiplin Ilmu *Hadith* supaya perbincangan mengenainya mempunyai matlamat yang jelas yang di antaranya ialah untuk menganalisis perawi *Hadith* yang paling berautoriti di kalangan *al-Sahabah* supaya *Hadith* tersebut mencapai tahap *sahih*. Dan melalui *Hadith saih* inilah umat Islam menjadikanya sebagai sumber hukum selain Al-Quran.